

## **FAKTA PENTING**

- Berasaskan tahun ke tahun, eksport memperkukuhkan lagi momentum pertumbuhannya dan melebihi pertumbuhan import dengan peningkatan sebanyak RM19.5 bilion (+32.5%) kepada RM79.4 bilion. Sumbangan eksport semula adalah 16.9% dengan nilai RM13.4 bilion. Prestasi eksport domestik juga kukuh dan berkembang RM14.5 bilion (+28.1%) kepada RM66.0 bilion.
- Berasaskan tahun ke tahun, import meningkat dengan kukuh sebanyak RM17.2 bilion (+30.4%) kepada RM73.9 bilion.
- Berasaskan bulan ke bulan, eksport naik RM5.5 bilion (+7.5%) daripada RM73.9 bilion. Dalam terma pelarasan musim, eksport meningkat 9.0%.
- Berasaskan bulan ke bulan, import meningkat RM8.7 bilion (+13.3%) daripada RM65.2 bilion. Dalam terma pelarasan musim, import naik 10.4%.
- Berasaskan tahun ke tahun, eksport meningkat disebabkan oleh kenaikan eksport ke Singapura (+RM3.8 bilion), China (+RM3.6 bilion), Kesatuan Eropah (+RM1.8 bilion), Australia (+RM1.2 bilion) dan Amerika Syarikat (+RM1.0 bilion).
- Berasaskan tahun ke tahun, import yang tinggi terutamanya daripada China (+RM2.5 bilion), Amerika Syarikat (+RM2.3 bilion), Singapura (+RM1.7 bilion), India (+RM1.6 bilion) dan Taiwan (+RM1.1 bilion).

## **PERDAGANGAN**

Jumlah perdagangan pada Mei 2017 bernilai RM153.3 bilion meningkat RM36.7 bilion atau 31.5% berbanding setahun yang lalu. Berbanding bulan sebelumnya ia mencatatkan pengembangan sebanyak RM14.2 bilion atau 10.2%. Lebihan dagangan sebanyak RM5.5 bilion dicatatkan pada bulan Mei 2017, meningkat RM2.2 bilion (+67.3%) daripada RM3.3 bilion yang dicatatkan pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan ini turun RM3.2 bilion atau 36.5% berasaskan bulan ke bulan.

## **EKSPORT**

Berasaskan tahun ke tahun, eksport berkembang 32.5% daripada RM59.9 bilion. Semua produk utama menyumbang kepada peningkatan ini seperti:

---

Nota: # Data bulan Mei 2017 adalah provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

- Barangan elektrik dan elektronik (36.0% daripada jumlah eksport), meningkat RM6.8 bilion (+31.3%) kepada RM28.6 bilion;
- Keluaran petroleum bertapis, yang menyumbang 8.2% daripada jumlah eksport, berkembang RM2.8 bilion atau 75.6% kepada RM6.5 bilion disebabkan oleh kenaikan yang kukuh dalam kedua-dua volum eksport (+33.7%) dan nilai purata seunit (+31.4%);
- Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (8.6% daripada jumlah eksport), merekodkan peningkatan RM1.4 bilion (+26.8%) kepada RM6.8 bilion. Eksport minyak kelapa sawit, iaitu komoditi utama daripada kumpulan produk ini naik RM839.0 juta atau 25.0% disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua volum eksport (+14.1%) dan nilai purata seunit (+9.5%);
- Petroleum mentah yang menyumbang 2.7% kepada jumlah eksport, meningkat RM771.0 juta atau 56.8% kepada RM2.1 bilion disebabkan oleh kenaikan dalam kedua-dua nilai purata seunit (+31.5%) dan volum eksport (+19.2%);
- Kayu dan hasil keluaran kayu yang menyumbang 2.5% daripada jumlah eksport, meningkat RM229.7 juta atau 12.8% kepada RM2.0 bilion;
- Getah asli (0.5% daripada jumlah eksport) naik RM131.9 juta atau 46.8% kepada RM413.8 juta disebabkan oleh kenaikan yang kukuh dalam nilai purata seunit (+49.8%) walaupun volum eksport jatuh 2.0%; dan
- Gas asli cecair yang menyumbang 2.4% kepada jumlah eksport, meningkat RM71.0 juta atau 3.8% kepada RM1.9 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam nilai purata seunit (+63.1%) walaupun volum eksport turun 36.4%.

Berasaskan bulan ke bulan, eksport meningkat RM5.5 bilion (+7.5%) daripada RM73.9 bilion. Produk-produk utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah:

- Keluaran petroleum bertapis meningkat RM2.7 bilion atau 72.6% daripada RM3.8 bilion disebabkan oleh kenaikan dalam volum eksport (+73.0%) walaupun nilai purata seunit turun 0.2%;
- Barangan elektrik dan elektronik naik RM2.3 bilion atau 8.7% daripada RM26.3 bilion;

- Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit meningkat RM746.5 juta atau 12.3% daripada RM6.1 bilion. Eksport minyak kelapa sawit naik RM493.2 juta (+13.3%) disebabkan oleh peningkatan dalam volum eksport (+23.5%) walaupun nilai purata seunit jatuh 8.3%; dan
- Kayu dan hasil keluaran kayu mencatatkan pertumbuhan RM190.7 juta atau 10.4% daripada RM1.8 bilion.


Walaupun bagaimanapun, produk-produk berikut mencatatkan penurunan:

- Gas asli cecair merosot RM1.3 bilion atau 40.2% daripada RM3.3 bilion disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua volum eksport (-36.4%) dan nilai purata seunit (-6.0%);
- Petroleum mentah menyusut RM229.7 juta atau 9.7% daripada RM2.4 bilion disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua volum eksport (-5.1%) dan nilai purata seunit (-4.9%); dan
- Getah asli menurun RM136.7 juta atau 24.8% daripada RM550.5 juta disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua volum eksport (-15.1%) dan nilai purata seunit (-11.4%).

### Data Pelarasan Musim

Berdasarkan terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport naik RM6.8 bilion (+9.0%) kepada RM82.6 bilion.

**Eksport, 2013-2017**



## **IMPORT**

Berasaskan tahun ke tahun, import meningkat 30.4% daripada RM56.7 bilion. Pengembangan ini adalah berikutan peningkatan import barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan.

- **Barangan Perantaraan**

Barangan perantaraan yang menyumbang 57.2% daripada jumlah import meningkat RM10.7 bilion (+33.8%) kepada RM42.3 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh alat ganti & aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM3.9 bilion, +32.9%), bekalan perindustrian, diproses (+RM3.2 bilion, +24.9%), bahan api & pelincir, diproses, lain-lain (+RM1.5 bilion, +124.1%) dan bahan api & pelincir, utama (+RM751.3 juta, +72.6%).

- **Barangan Modal**

Import barangan modal yang mewakili 13.4% daripada jumlah import meningkat RM614.1 juta atau 6.6% kepada RM9.9 bilion disebabkan oleh kenaikan dalam barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM1.5 bilion, +21.3%). Walau bagaimanapun, alat kelengkapan pengangkutan, perindustrian jatuh RM910.9 juta atau 43.3%.

- **Barangan Penggunaan**

Import barangan penggunaan yang menyumbang 9.0% daripada jumlah import mencatatkan peningkatan RM510.6 juta (+8.3%) kepada RM6.7 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (+RM309.3 juta, +21.9%) dan barangan tidak tahan lama (+RM88.3 juta, +5.9%).

Berasaskan bulan ke bulan, import naik RM8.7 bilion atau 13.3% daripada RM65.2 bilion. Peningkatan dalam import disumbangkan oleh barangan perantaraan, barangan modal, dan barangan penggunaan.

- **Barangan Perantaraan**

Barangan perantaraan berkembang RM3.9 bilion (+10.2%) daripada RM38.4 bilion. Komponen utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah bekalan perindustrian, diproses (+RM2.5 bilion, +18.7%) dan bahan api &

pelincir, diproses, lain-lain (+RM1.7 bilion, +171.7%). Walau bagaimanapun, bahan api & pelincir, utama mencatatkan penurunan sebanyak RM1.1 bilion atau 37.5%.

- **Barangan Modal**

Import barangan modal meningkat RM1.9 bilion atau 23.6% daripada RM8.0 bilion disebabkan oleh kenaikan dalam barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM1.1 bilion, +14.8%) dan alat kelengkapan pengangkutan, perindustrian (+RM769.1 juta, +181.2%).


- **Barangan Penggunaan**

Import barangan penggunaan naik RM998.4 juta (+17.6%) daripada RM5.7 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh barangan separa tahan lama (+RM293.5 juta, +23.6%), barangan tidak tahan lama (+RM260.0 juta, +19.8%) dan makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (+RM250.7juta, +17.1%).

**Data Pelarasan Musim**

Berdasarkan terma pelarasan musim bulan ke bulan, import meningkat RM6.9 bilion (+10.4%) kepada RM73.6 bilion.


**Import, 2013-2017**




## PASARAN PERDANGANGAN

Carta di bawah menunjukkan rakan dagangan utama Malaysia pada Januari – Mei 2017.

**Jumlah Perdagangan mengikut Negara Utama, Jan- Mei 2017, peratus pembahagian**




**Eksport dan Import mengikut Negara Utama, Jan- Mei 2017, peratus pembahagian**



Carta di bawah menunjukkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN bagi Januari – Mei 2017.

### Eksport, Jan- Mei 2017, peratus pembahagian



### Import, Jan – Mei 2017, peratus pembahagian

